



11 FEB, 2021

SHMMP sekat kenaikan harga tidak munasabah menjelang perayaan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

SHMMP sekat kenaikan harga tidak munasabah menjelang perayaan

LIMBANG: Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2021 bertujuan menyekat kenaikan harga tidak munasabah ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) walaupun perayaan ini disambut secara sederhana mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Bahagian Pulnama Tarah berkata, (SHMMP) 2021 dilaksanakan selama sembilan hari berkuat kuasa Isnin lalu hingga 16 Februari ini.

Beliau berkata, KPDNHEP mengenal pasti 16 jenis barangan bagi pelaksanaan SHMMP terdiri daripada ayam, telur ayam, sayuran, hasil laut dan daging babi, yang dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

“Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini.

“Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan An-



PERIKSA: Pulnama (tengah) ketika melakukan pemantauan di Tamu Limbang kelmarin.

tipencatutan 2011,” katanya dalam kenyataan media di sini, kelmarin.

Tegasnya, pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan.

“Langkah-langkah ini mencerminkan usaha berterusan bagi melindungi peng-

guna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga yang tidak beretika semasa musim perayaan,” ujarnya lagi.

Kementerianya jelasnya, menyediakan medium penyalaran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga.

“Kementerian turut mewujudkan Skwad Tindakan Aduan Rakyat (STAR) dalam usaha untuk menangani aduan rakyat dengan lebih

berkesan,” katanya.

Golongan peniaga tambahnya, hendaklah mematuhi arahan yang dikenakan dan mengamalkan sikap beretika dalam menguruskan perniagaan manakala pengguna mestilah mengetahui tanggungjawab dan menggunakan hak mereka.

“Skim ini akan berjaya sekiranya semua pihak bertanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing,” ujarnya lagi.



11 FEB, 2021

SHMMP sekat kenaikan harga tidak munasabah menjelang perayaan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

LIMBANG: Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2021 bertujuan menyekat kenaikan harga tidak munasabah ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) walaupun perayaan ini disambut secara sederhana mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.